

## **PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**

Kerajaan negeri Selangor telah mengambil pendekatan berlainan dalam aktiviti pengorekan bahan batuan dan mineral di Selangor. Peningkatan hasil batuan dan mineral yang dikumpulkan akan dilaburkan dan hasilnya diagihkan dan diserahkan semula kepada rakyat melalui program-program kebajikan dalam program pelaksanaan Agenda MES. Lantaran itu, kerajaan negeri telah menujuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang beroperasi sebagai syarikat kerajaan yang memberi penumpuan pada aktiviti perniagaan pasir, lombong dan sungai. Ini bermakna, KSSB bertanggung jawab untuk memastikan setiap royalti bagi setiap tan hasil daripada batuan dan pasir dapat dikutip dan dinikmati oleh rakyat Selangor.

## **TABUNG PENDIDIKAN ANAK-ANAK PEKERJA LADANG**

Pembelaan kerajaan negeri Selangor adalah melibatkan seluruh rakyat negeri Selangor termasuklah anak-anak pekerja ladang. Tabung ini diwujudkan adalah bagi memberi bantuan pendidikan kepada anak-anak pekerja ladang. Bantuan yang diberikan adalah dalam bentuk biasiswa kepada anak-anak pekerja ladang bagi tujuan membayai pendidikan mereka serta keperluan pembelajaran. Selain itu, tabung ini juga akan membayai pembinaan dan penyelenggaraan asrama bagi anak-anak pekerja ladang di seluruh negeri Selangor. Kerajaan yang amat prihatin dengan pendidikan anak-anak pekerja ladang telah memperuntukan RM2 juta dalam merealisasikan program ini.

## **PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**

'One Stop Crisis Centre' (OSCC) atau lebih dikenali sebagai Pusat Khidmat Krisis Sehenti telah ditubuhkan pada tahun 1997 di hospital-hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Tujuan OSCC ditubuhkan adalah untuk memberi perkhidmatan menyeluruh kepada mangsa-mangsa penderaan, perkosaan dan juga keganasan: rumahtangga. Pusat ini ditubuhkan khas untuk merawat dan mengasingkan mangsa-mangsa serta diberi bantuan dari segi sokongan emosi dan kaunseling agar mereka tidak mengalami tekanan perasaan atau emosi. Operasi OSCC terletak di bawah Jabatan Kecemasan di setiap hospital di mana terdapat kakitangan yang terlatih ditugaskan untuk merawat serta memberi penjagaan yang sewajarnya kepada mangsa-mangsa yang datang untuk mendapatkan rawatan. Terdapat enam (6) buah hospital telah menyediakan perkhidmatan ini iaitu Hospital Ampang, Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Klang dan Hospital Kajang.

## **Untuk Maklumat Lanjut Sila Hubungi**

	No. Tel	No. Fax
<b>BEKALAN AIR PERCUMA BAGI 20 METER PADU</b> Kumpulan Darul Ehsan Berhad	03-5510 3999	03-5510 9977
<b>SKIM MESRA USIA EMAS</b> Rantaian Mesra Sdn. Bhd	03-5510 3468 / 3472	03-5510 3455
<b>HADIAH ANAK MASUK IPT</b>	03-5544 7385 / 5521 2275	03-5544 7391 / 5510 4095
<b>TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR</b> Yayasan Warisan Anak Selangor	03-5521 8740/ 8741	03-5521 8743
<b>PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN &amp; MINERAL</b> Kumpulan Semesta Sdn. Bhd	03-5518 7735	03-5518 7736
<b>TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG</b>	03-5544 7307	03-5510 6678

**Sudahkah Anda Mendapat  
Manfaatnya?  
Daftarlah Sekarang !**

Untuk maklumat lanjut layari :  
<http://mes.selangor.gov.my>





## **BEKALAN AIR PERCUMA BAGI 20 METER PADU**

Dasar memberi bekalan air kegunaan percuma bagi 20 meter padu pertama kepada pengguna domestik yang bermeter individu setiap bulan yang telah dilaksanakan bermula 1 Jun 2008. Program ini adalah bertujuan membantu mengurangkan beban kewangan rakyat Selangor. Dianggarkan seramai 1.5 juta pengguna meter individu penduduk di Selangor telah menikmati kemudahan ini dan secara tidak langsung program ini telah meringankan beban rakyat terutama dalam situasi ekonomi merosot ini. Atas istilah keramat "Merakyatkan Ekonomi" negeri Selangor berjaya melakukan perkara yang dikatakan oleh pihak-pihak tertentu sebagai mustahil. Kerajaan negeri melalui anak syarikatnya Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bertindak mengagihkan semula keuntungan pihak-pihak yang terlibat dalam perkhidmatan air ini kepada rakyat.

## **SKIM MESRA USIA EMAS (SMUE)**

Skim Mesra Usia Emas (SMUE) adalah salah satu program dalam Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor. Ia merupakan satu skim khairat kematian yang diwujudkan khusus untuk menjaga kebajikan rakyat Selangor. Ia bertujuan membantu keluarga warga emas / OKU yang memenuhi syarat dan berdaftar yang meninggal dunia tanpa mengira jantina, kaum, agama, fahaman politik, status ekonomi, dan kedudukan sosial mereka. Manfaat yang diberi bernilai RM2500. Sumbangan RM1000 akan diberi selepas laporan kematian dibuat dan dokumen telah disahkan.

Baki RM1500 akan diberikan dalam tempoh 60 hari berikutnya dalam satu majlis rasmi. Skim ini terbuka kepada semua Warga Emas (WARGANEGARA Malaysia) berumur 60 tahun dan ke atas; DAN \*Lahir dan sedang menetap di Negeri Selangor; ATAU \*Lahir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebelum 1/2/1974 DAN sedang menetap di Negeri Selangor atau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ATAU \*Bermastautin di Negeri Selangor secara sah sekurang-kurangnya 15 tahun (bagi yang bukan kelahiran Negeri Selangor). Pendaftaran boleh dibuat di pejabat ADUN, Pejabat Daerah, Pihak Berkua Tempatan dan Rantaian Mesra Sdn. Bhd.

## **HADIAH ANAK MASUK IPT**

Dasar memberi hadiah RM1,000 akan diberikan kepada anak selangor yang melanjutkan pengajian tinggi awam/swasta yang diiktiraf kerajaan dengan mengikuti pengajian peringkat diploma atau ijazah sarjana muda dari keluarga berpendapatan RM1,500 ke bawah. Hadiah ini akan terus dikreditkan kedalam akaun pelajar ataupun melalui cek. Semua rekod pembayaran akan dimasukkan di dalam sistem pangkalan data yang akan dibangunkan oleh urus setia dan bayaran akan dibuat dalam tempoh dua (2) minggu (10 hari bekerja) selepas borang hadiah pengajian IPTA/IPTS yang lengkap diterima oleh pihak urus setia. Sehingga kini seramai 11,103 orang pelajar telah layak menerima hadiah ini sepanjang tahun Julai 2008 sehingga Mac 2010, kerajaan negeri terus prihatin dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM 8.2 juta bagi meneruskan program ini.



## **TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)**

Tabung Warisan Anak Selangor atau singkatanya TAWAS, merupakan antara projek penting dalam agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Faedah Perlaksanaan TAWAS Kerajaan Negeri Selangor akan menghadiahkan tabung simpanan sebanyak RM 100.00, kad keahlian dan sijil simpanan bagi setiap pendaftaran TAWAS yang berjaya. Pada usia 18 tahun, anak-anak ini berpeluang menerima RM 1,500.00 seorang hasil daripada pelaburan dalam TAWAS. Syarat-syarat permohonan TAWAS adalah: Warganegara Malaysia yang lahir mulai 01 Januari 2008 dan ke atas,

i-Bayi lahir di Negeri Selangor atau di luar Negeri Selangor, DAN ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor, ATAU ibu atau bapa lahir di Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974. ATAU

ii-Bayi lahir di Negeri Selangor DAN ibu atau Bapa bukan kelahiran Selangor tetapi telah menetap di Selangor minimum 5 tahun. (Perlu mendapatkan pengesahan taraf permastautin daripada Ketua Kampung/Penghulu/Pengerusi Taman Perumahan/Ahli Parlimen/Senator/ ADUN dan Ahli Majlis Pihak Berkua Tempatan di kawasan tempat tinggal). ATAU

iii- Lahir di luar negeri Selangor (sempadan negeri Selangor), DAN; ibu atau Bapa bukan kelahiran Selangor tetapi bermastautin tetap di negeri Selangor. (Perlu mendapatkan pengesahan taraf permastautin daripada Ketua Kampung/Penghulu/Pengerusi Taman Perumahan/Ahli Parlimen/Senator/ ADUN dan Ahli Majlis Pihak Berkua Tempatan di kawasan tempat tinggal).